



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

DOKUMEN SEBUT HARGA

NO. SEBUT HARGA : LPB/600/Q07/2021

TAJUK SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Tarikh Iklan : 15 April 2021

Tarikh Tutup : 05 Mei 2021 Jam 12.00 Tengahari

Kod Bidang : 221503: Kenderaan/ Jentera/ Kenderaan Rekreasi

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
(BINTULU PORT AUTHORITY)
Aras Lobi, 5, 8, 9 & 10
Menara Kidurong
Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu
Sarawak Malaysia
Tel : 086-232822
Faks: 086-251300

NOTIS SEBUT HARGA



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

NOTIS SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berkelayakan seperti berikut:-

NO. KOD DAN TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH DIKELUARKAN	TARIKH & MASA TUTUP	LAWATAN TAPAK	KELAYAKAN
LPB/600/Q07/2021 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU	15 April 2021	05 Mei 2021 Jam 12.00 Tengahari	Tidak Berkenaan	Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor Bumiputera dan Bukan Bumiputera sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan mempunyai:- kod bidang seperti berikut:- 221503 : Kenderaan/ Jentera/ Kenderaan Rekreasi.

2. **Dokumen Sebut Harga** boleh diperolehi mulai **15 April 2021** melalui laman web rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) di alamat www.bpa.gov.my.
3. **LPB** tidak menyediakan salinan *hardcopy* **Dokumen Sebut Harga** tersebut dan adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga daripada laman web yang disediakan. Sebarang kos percetakan dan penghantaran adalah ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor.
4. Kegagalan kontraktor mematuhi arahan kepada penyebut harga yang dilampirkan bersama Dokumen Sebut Harga boleh menyebabkan tawaran/ sebut harga yang dikemukakan oleh kontraktor ditolak.
5. Pihak **LPB** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.
6. Kontraktor adalah dikehendaki untuk mematuhi syarat-syarat sebut harga seperti di bawah:-
- 6.1 Kontraktor hendaklah memastikan dokumen-dokumen sebut harga dikepilkan dengan kemas dan teratur. Pihak **LPB** tidak bertanggungjawab di atas kehilangan sebarang dokumen; dan



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

NOTIS SEBUT HARGA

- 6.2 Borang Sebut Harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan tertutup dengan ditulis Tajuk Sebut Harga, No. Sebut Harga dan Tarikh Tutup di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di alamat seperti berikut:-

**Lembaga Pelabuhan Bintulu
Aras 9, Sekyen Kewangan, Perolehan & Aset
Menara Kidurong
Jalan Tanjung Kidurong
97007 Bintulu, Sarawak**

7. Sampul yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Seksyen Kewangan, Perolehan & Aset seperti di alamat di atas sebelum atau pada 05 Mei 2021 jam 12.00 tengahari.
8. **Sebut Harga yang lewat diterima daripada tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.**

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

1.0 ARAHAN DAN SYARAT-SYARAT KEPADA PENYEBUT HARGA

Arahan dan syarat-syarat kepada penyebut harga ini akan menjadi sebahagian daripada kontrak antara Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) dan penyebut harga. Penyebut harga dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandungan arahan dan syarat-syarat ini semasa melengkapkan Dokumen Sebut harga.

2.0 KELAYAKAN PENYEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera dan Bukan Bumiputera Tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **221503: Kenderaan/ Jentera/ Kenderaan Rekreasi**.

3.0 TEMPOH PERKHIDMATAN SEWAAN

3.1 Tempoh kontrak adalah selama **dua (2) Tahun** mulai daripada Arahan Mula Kerja. Kontraktor boleh memohon perlanjutan tempoh kontrak selama **satu (1) Tahun** lagi dan LPB boleh dengan budi bicaranya samaada hendak melanjutkan atau tidak tempoh tersebut tertakluk pada terma dan syarat yang serupa dan tiada perubahan harga dalam Jadual Kadar dan Kadar Kontrak

3.2 Penyebut harga adalah **diwajibkan untuk mengisi ruangan tarikh penyerahan/penyempurnaan penghantaran mengikut kemampuan penyebut harga pada perkara 2.2 di mukasurat satu (1) Borang Sebut harga (Lampiran Q)**. Kegagalan penyebut harga berbuat demikian boleh menyebabkan sebut harga ditolak. Walaubagaimanapun, keutamaan adalah diberi kepada penyebut harga yang berkemampuan untuk melaksanakan kerja dalam tempoh yang telah ditetapkan;

4.0 SKOP BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA

Skop kerja dan spesifikasi teknikal adalah seperti di **Lampiran A**.

5.0 DOKUMEN PENYEBUT HARGA

Satu (1) set Dokuman Sebut harga terdiri daripada dokumen-dokumen seperti berikut:-

BIL.	PERKARA
1	Arahan dan syarat-syarat kepada Penyebut harga

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

BIL.	PERKARA
2	<p>TAWARAN TEKNIKAL</p> <p>Lampiran A Skop Kerja dan Spesifikasi Teknikal</p> <p>Lampiran A1 Jadual Pematuhan Spesifikasi</p> <p>Lampiran A2-1 Spesifikasi Logo Kenderaan Unit Keselamatan</p> <p>Lampiran A2-2 Spesifikasi Logo Kenderaan Bahagian Pentadbiran</p>
3	<p>TAWARAN KEWANGAN</p> <p>Lampiran B Borang Sebut harga (Lampiran Q)</p> <p>Lampiran C Ringkasan Tawaran Harga / Bill Of Quantity</p> <p>Lampiran D Pernyataan Mengenai Kesalahan Rasuah</p> <p>Lampiran E Keterangan Mengenai Syarikat</p> <p>Lampiran F Surat Akuan Pembida</p> <p>Lampiran G Surat Perwakilan Kuasa</p> <p>Lampiran H Pengalaman Syarikat</p> <p>Lampiran I Format Bon Pelaksanaan</p> <p>Lampiran J Laporan Prestasi Kerja</p> <p>Lampiran K Senarai Semak Sebut harga</p>

6.0 SEBUT HARGA

Penyebut harga adalah dikehendaki untuk melengkap dan menandatangani satu salinan Dokumen Sebut harga yang telah diberikan kepada mereka.

- 6.1 Sebut harga yang tidak diisi dengan lengkap dan tidak ditandatangani boleh mengakibatkan Sebut harga **tidak layak** untuk dipertimbangkan.
- 6.2 Semua butiran dan maklumat yang hendak diisi ke dalam Borang Sebut harga hendaklah ditulis dengan terang menggunakan dakwat. Pemadam tidak boleh digunakan dan mana-mana pembetulan atau kesilapan hendaklah digaris dengan elok dan semua pembetulan hendaklah diperakukan.
- 6.3 Lampiran yang dikemukakan hendaklah dihantar mengikut susunan berdasarkan para 5.0 di atas.
- 6.4 Sebut harga hendaklah disebutkan dalam **Ringgit Malaysia**.

7.0 MAKLUMAT LATARBELAKANG KEWANGAN DAN PRESTASI

- 7.1 Penyebut harga hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan penyebut harga untuk melaksanakan projek yang disebut harga, di samping kemunasabahan harga sebut harga. Justeru itu,

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

keupayaan sebut harga akan dinilai semasa penilaian sebut harga. Penilaian ini akan dibuat berdasarkan kedudukan kewangan, pengalaman kerja dan prestasi kerja semasa penyebut harga.

- 7.2 Bagi memudahkan penilaian ini dibuat, penyebut harga dikehendaki untuk mengemukakan dokumen-dokumen berikut bersama-sama sebut harga yang dikemukakan:-
- (a) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juruaudit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan yang terakhir bagi syarikat Sdn. Bhd;
 - (b) Penyata bank/ salinan penyata bank yang disahkan bagi tiga (3) bulan terakhir;
 - (c) Salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (SSM);
 - (d) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia;
 - (e) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Bumiputera Kementerian Kewangan Malaysia;
 - (f) Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kementerian Dalam Negeri;
 - (g) Salinan lesen untuk menjalankan Agensi Persendirian; dan
 - (h) Satu (1) set Profil Syarikat.

8.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA

- 8.1 Dokumen Sebut harga yang perlu dikemukakan adalah seperti di dalam jadual yang tertera di bawah **perenggan 5.0** dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di bawah **perenggan 7.2**.
- 8.2 **Dokumen Sebut harga hendaklah disediakan dalam dua (2) salinan. Salinan asal dicop sebagai 'Asal' atau 'Original' manakala dokumen salinan dicop sebagai 'Salinan' atau 'Duplicate'.**
- 8.3 **Para penyebut harga HANYA DIBENARKAN menulis nama atau tanda perniagaan di dalam dokumen salinan asal sahaja. Para penyebut harga DILARANG SAMA SEKALI menandakan/ meletakkan apa-apa nama dan/ atau tanda perniagaan yang membawa maksud pengenalan/ identiti penyebut harga di dalam satu (1) dokumen salinan tersebut.**
- 8.4 **Satu (1) CD yang mengandungi *soft copy* bagi dokumen sebut harga turut disertakan bersama dengan Dokumen Pelawaan ini.**
- 8.5 Kedua-dua salinan Dokumen sebut harga yang telah sempurna tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul yang ditutup dan berlakri serta ditanda dengan jelas seperti berikut :-

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

**SEBUT HARGA NO.:LPB/600/Q07/2021 – SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN
SEWAAN KENDERAAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

tanpa apa-apa tanda dengan cara mana identiti penyebut harga boleh dikenalpasti. Sampul yang mengandungi dokumen di atas hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut harga dan dialamatkan kepada:-

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
PETI SURAT BOX 296
97007, BINTULU, SARAWAK**

pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada hari yang dinyatakan dalam iklan Sebut harga. Mana-mana Sebut harga yang dikemukakan selepas masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

- 8.6 Sebut harga menggunakan emel dan faks adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 8.7 LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebut harga.
- 8.8 LPB tidak bertanggungjawab untuk membayar apa-apa perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung oleh penyebut harga semasa menyediakan dan menghantar sebut harga.
- 8.9 Iklan Sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web LPB di alamat <http://www.bpa.gov.my> .

9.0 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

Sebut harga yang telah diterima daripada penyebut harga adalah terbuka untuk penerimaan atau penolakan untuk tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh Sebut harga ditutup. Penyebut harga yang berjaya akan dimaklumkan oleh LPB dalam tempoh ini. Penyebut harga adalah dipelawa untuk melawat laman web LPB untuk melihat keputusan sebut harga di http://www.bpa.gov.my/web/home/tender_result atau di Papan Notis Iklan LPB.

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

10.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

- 10.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 10.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694);
- 10.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau Penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694); dan
- 10.4 Mana-mana kontraktor atau Penyebut harga yang membuat tuntutan pembayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694).

11.0 INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 11.1 Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani **Surat Akuan Pembida (Lampiran F)** bahawa penyebut harga tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran G)** menandatangani bagi pihak syarikat sebagai tanda bahawa beliau adalah individu yang diberi kuasa untuk berurusan dengan pihak LPB bagi urusan perolehan/perjanjian bagi perkara ini.
- 11.2 Penyebut harga yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh pihak LPB juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

12.0 HARGA TAWARAN

- 12.1 Harga Tawaran penyebut harga hendaklah diisi dalam **Lampiran B** dan **Lampiran C** Sebut harga ini. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos bersangkutan dengan sebut harga No. **LPB/600/Q07/2021– Sebut harga Perkhidmatan Sewaan Kenderaan Rasmi Lembaga Pelabuhan Bintulu.**
- 12.2 Harga-harga yang ditawarkan dalam tawaran ini adalah tetap, harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan tidak boleh dipinda selepas penawaran sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dan dalam tempoh sah laku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan KECUALI atas persetujuan kedua-dua pihak.
- 12.3 Borang Lampiran Q dan Ringkasan Harga Tawaran / *Bill Of Quantity* hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas bagi setiap butiran yang dimasuki. Penggunaan “ditto” atau “seperti di atas” tidak boleh digunakan.
- 12.4 Bagi ruangan yang kosong, misalnya tidak ada apa-apa maklumat yang hendak dicatatkan mestilah ditulis dengan perkataan “**Tidak Berkenaan**”.
- 12.5 Penyebut harga boleh mengemukakan tawaran berasaskan kepada *Nett Delivered/ FOB/ CIF/ Ex-Work/ FCA*. Penjelasan mengenai terma-terma ini adalah seperti di bawah:

12.5.1 *Nett Delivered:*

Ini adalah harga bersih termasuk kos pembungkusan, kos pemunggahan dan kos penghantaran serta kos-kos lain yang berkaitan ke destinasi terakhir/ pengguna yang telah ditentukan; dan Harga adalah tidak termasuk cukai jualan dan perkhidmatan.

12.5.2 *Free On Board (FOB):*

Penyebut harga mesti memuat barangan import ke dalam kapal dan urusan penghantaran hendaklah dikendalikan oleh syarikat bagi perkhidmatan *Multimodal Transport Operator (MTO)* yang dilantik oleh agensi serta insurans ditanggung oleh LPB.

Semua barangan import tersebut hendaklah dihantar terus dari pelabuhan memuat (*port of loading*) negara asal barangan (*country of origin*) ke pengkalan punggah (*port of discharge*) di mana-mana pangkalan di Malaysia

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

sebelum dihantar ke destinasi akhir. Perolehan yang diimport dan dibekalkan melalui pelabuhan negara kedua tidak dibenarkan sama sekali.

12.5.3 *Cost, Insurance & Freight (CIF):*

Penyebut harga mesti membayar kos dan tambang untuk membawa masuk barangan ke destinasi pengkalan dan insurans perlu ditanggung oleh pihak penyebut harga.

12.5.4 *Ex-Work (EXW):*

Penyebut harga menjamin barangan tersebut telah berada di premis penyebut harga dan penyebut harga bertanggungjawab ke atas semua kos.

12.5.5 *Free Carrier (FCA):*

Semua urusan pengangkutan dan insurans diuruskan oleh pembeli/ agensi bermula dari tempat barangan diterima.

12.6 CUKAI PERKHIDMATAN

12.6.1 Bagi perolehan perkhidmatan, semua tawaran harga oleh penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran perkhidmatan tanpa Cukai Perkhidmatan. Sekiranya perkhidmatan tersebut termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Perkhidmatan dan penyebut harga adalah berdaftar Cukai Jualan Cukai Perkhidmatan (CJCP) dengan JKDM, maka LPB akan menawarkan nilai perolehan termasuk kenaan Cukai Perkhidmatan.

12.6.2 Penyebut harga hendaklah diberitahu bahawa pada bila- bila masa setelah berdaftar dengan JKDM , penyebut harga hendaklah memaklumkan LPB supaya Cukai Perkhidmatan boleh dibayar oleh LPB. Kegagalan atau kelewatan penyebut harga untuk memaklumkan kepada LPB mengenai status pendaftaran dengan JKDM akan menyebabkan penyebut harga perlu menanggung CJCP dan tidak layak menuntut apa- apa bayaran daripada LPB.

12.7 **LPB tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.** Bagaimanapun, harga yang ditawarkan oleh Penyebut harga bukanlah nilai kontrak muktamad yang akan ditetapkan oleh LPB sekiranya berjaya di dalam penawaran sebut harga ini.

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

13.0 PEMBUKAAN SEBUT HARGA

Lembaga berhak untuk tidak mengeluarkan apa-apa maklumat mengenai setiap Sebut harga yang telah dibuka.

14.0 INTERPRETASI DOKUMEN

Jika terdapat keraguan ke atas maksud sebenar mana-mana bahagian daripada Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah dengan seberapa segera yang boleh, tetapi tidak kurang dari sepuluh (10) hari sebelum tarikh penutupan Sebut harga, memaklumkan kepada LPB dan meminta penjelasannya mengenai keraguan tersebut sebelum mengemukakan Sebut harga. Interpretasi atau penjelasan ke atas Dokumen Sebut harga hanyalah sah jika ianya dibuat menerusi addenda yang dikeluarkan secara formal oleh LPB seperti dijelas dalam perkara 15 di bawah.

15.0 ADDENDA

Addenda mungkin dikeluarkan sebelum tarikh tutup Sebut harga untuk menjelaskan maksud Dokumen Sebut harga ataupun untuk membuat perubahan ke atas syarat kontrak. Setiap addenda akan diedarkan kepada semua penyebut harga dan akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Sebut harga. Penerimaan setiap addenda mestilah disahkan. Kegagalan untuk mengesahkan penerimaan setiap addenda akan mengakibatkan Sebut harga ditolak.

16.0 PELANGGARAN SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

Penyebut harga yang tidak mematuhi syarat-syarat sebut harga boleh dikenakan tindakan seperti berikut:-

16.1 Kesalahan Melanggar Syarat Sebut harga

- i) Menarik diri
- ii) Pakatan harga
- iii) Tidak menyerahkan Bon Pelaksanaan
- iv) Memalsukan maklumat dengan tujuan menyertai sebut harga
- v) Menerima dan memberi rasuah

16.2 Kesalahan Kerana Melanggar Syarat Kontrak

- i) Lewat menyiapkan kerja
- ii) Tidak menepati spesifikasi

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

- iii) "Sub Kontrak" tanpa persetujuan LPB
- iv) Menerima dan memberi rasuah

16.3 Jenis-Jenis Tindakan/ Hukuman

- i) Amaran
- ii) Denda
- iii) Penamatan kontrak
- iv) Batal tajuk pendaftaran
- v) Gantung pendaftaran
- vi) Senarai hitam syarikat
- vii) Merampas bon pelaksanaan

17.0 HAK LPB APABILA BEKALAN/ PERKHIDMATAN/ KERJA YANG DILAKSANAKAN TIDAK MENGIKUT TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

17.1 Jika bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang dilaksanakan tidak mengikut atau jika berlaku pelanggaran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat kontrak ini, LPB boleh mengambil tindakan mana-mana satu atau apa-apa gabungan perkara berikut:-

- 17.1.1 menolak perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dan meminta penyebut harga menggantikan bekalan/ perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya dalam apa-apa tempoh yang ditentukan oleh LPB. Jika perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya tidak diganti dalam masa yang ditentukan, LPB boleh mendapatkan perkhidmatan atau apa-apa bahagian darinya daripada lain-lain punca dan penyebut harga dikehendaki membayar amaun yang dikenakan kepada LPB;
- 17.1.2 menamatkan kontrak ini dan melantik pihak lain untuk melaksanakan perkhidmatan;
- 17.1.3 mengambil atau merampas keseluruhan atau sebahagian jumlah wang dalam Bon Pelaksanaan, jika ada; dan
- 17.1.4 mengenakan denda sepertimana yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima seperti berikut:-

Jumlah Nilai Perolehan	Denda
Sehingga RM20,000.00	0.1 % daripada nilai perolehan
RM20,000.00 – RM199,999.99	
RM200,000.00 ke atas	

bagi setiap hari kelewatan (*calendar days*).

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

18.0 SURAT SETUJU TERIMA

- 18.1 LPB adalah berhak menyetujui terima sebut harga tersebut sama ada kesemuanya ataupun sebahagiannya daripadanya. LPB tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.
- 18.2 Keputusan LPB adalah muktamad. LPB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga-penyebut harga mengenai sebab-sebab tawaran mereka tidak berjaya.
- 18.3 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan LPB sekiranya ada dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut. Sekiranya tiada dokumen perjanjian disediakan, dengan penerimaan Surat Setuju Terima oleh penyebut harga, maka suatu ikatan Kontrak telah terwujud antara penyebut harga dan LPB.

19.0 BON PELAKSANAAN

- 19.1 Penyebut harga-penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan di dalam bentuk Jaminan Bank dari bank-bank yang diluluskan dan berdaftar di Malaysia **sekiranya nilai perolehan melebihi RM200,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Ribu Sahaja)**. Nilai Bon Pelaksanaan adalah seperti berikut:-
- 19.1.1 2.5% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak bernilai RM200,000.00 sehingga RM500,000.00.; atau
- 19.1.2 5.0% - Daripada jumlah nilai kontrak bagi kontrak perkhidmatan yang bernilai RM500,000.00 atau lebih.
- 19.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan sama ada dalam bentuk:
- 19.2.1 Jaminan Bank/ Syarikat Kewangan yang dikeluarkan oleh bank-bank/ syarikat kewangan berlesen di bawah Akta bank dan Institusi Kewangan 1989 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 19.2.2 Jaminan Bank Islam yang dikeluarkan oleh bank-bank berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 19.2.3 Jaminan Insuran yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat insurans yang berlesen di bawah Akta Insurans 1996 yang beroperasi di Malaysia; atau

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

- 19.2.4 Jaminan Takaful yang dikeluarkan oleh syarikat Takaful yang berlesen di bawah Akta Takaful 1984 yang beroperasi di Malaysia; atau
- 19.2.5 Jaminan yang dikeluarkan oleh bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia (SME Bank).
- 19.3 Bon Pelaksanaan akan dikembalikan setelah kontrak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan. Sekiranya kontrak itu tidak dilaksanakan dengan sempurna dan memuaskan, maka Bon Pelaksanaan itu akan dirampas. Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) tawaran dikeluarkan. Kelewatan penyerahan bon pelaksanaan akan menyebabkan SST dibatalkan dan seterusnya kontrak ditamatkan. LPB adalah berhak untuk berbuat demikian bagi mengelakkan kelewatan demi memastikan pelaksanaan sebut harga ini berjalan seperti yang dirancang.
- 19.4 Penyebut harga yang berjaya hendaklah menggunakan Format Bon Pelaksanaan seperti di **Lampiran I** tanpa sebarang pindaan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah tamat satu (1) tahun selepas tarikh tamat kontrak.

20.0 TAWARAN ALTERNATIF, SYARAT DAN KEPERLUAN

Penyebut harga hendaklah mengikut dengan sepenuhnya kehendak-kehendak dan keperluan-keperluan yang telah ditetapkan dalam Dokumen Sebut harga kecuali terdapat addenda-addenda yang dikeluarkan oleh LPB. Oleh yang demikian, penyebut harga adalah dilarang sama sekali untuk membuat apa-apa perubahan di dalam Dokumen Sebut harga dan Lampiran-Lampiran yang disertakan bersama sebut harga ini.

Jika penyebut harga ingin menetapkan terma, syarat atau keperluannya sendiri yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga, penyebut harga hendaklah terlebih dahulu menyiapkan dan mengemukakan sebut harganya yang lengkap yang mengikut sepenuhnya kehendak-kehendak dalam Dokumen Sebut harga. Selepas itu, barulah penyebut harga menetapkan terma, syarat dan keperluannya yang berbeza dengan apa yang terdapat dalam Dokumen Sebut harga dalam surat depan semasa mengemukakan sebut harga, dan juga menyatakan dengan jelas akan kesan oleh terma, syarat dan keperluan yang ditetapkan itu ke atas Sebut harga ini jika LPB menerima terma, syarat dan keperluan tersebut.

21.0 BAYARAN KEPADA PENYEBUT HARGA

- 21.1 Bayaran kepada penyebut harga yang berjaya HANYA akan dibuat dalam tempoh 14 hari SETELAH bekalan / perkhidmatan / kerja ini DISEMAK DAN DISAHKAN telah dilaksanakan dengan sempurna oleh SO yang dilantik.

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

21.2 Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan borang Pesanan Tempatan (Local Order – LO) berwarna putih yang telah dilengkapi, bertandatangan, mempunyai cop syarikat dan ditarikhkan beserta INBOIS ASAL dan DOKUMEN SOKONGAN seperti *Delivery Note* kepada LPB untuk tujuan bayaran.

22.0 IKLAN DAN PUBLISITI

Tiada maklumat berkenaan kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/ media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh LPB terlebih dahulu.

23.0 DOKUMEN ADALAH SULIT

Semua Dokumen Sebut harga adalah dianggap sulit dan persendirian.

24.0 DOKUMEN TIDAK BOLEH DICACATKAN

Dokumen Sebut harga hendaklah tidak dikoyak, dokumen-dokumen diasingkan di antara satu dengan yang lain dan tiada pertambahan atau pembetulan yang tidak sah dibuat dalam Borang Sebut harga atau mana-mana bahagian Dokumen Sebut harga selain daripada mengisi ruang kosong yang perlu diisi.

25.0 BANTAHAN KE ATAS SPESIFIKASI SEBUT HARGA

25.1 Penyebut harga adalah dibenarkan untuk membuat bantahan secara bertulis kepada LPB dan disalinkan kepada Perbendaharaan sekiranya ia mendapati spesifikasi sebut harga menjerus kepada sesuatu jenama.

25.2 Bantahan tersebut beserta bukti-bukti yang kukuh hendaklah dikemukakan kepada LPB dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Dokumen Sebut harga mula dikeluarkan.

25.3 Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

26.0 PEMATUHAN KEPADA KEHENDAK UNDANG-UNDANG

- 26.1 Penyebut harga adalah bertanggungjawab untuk mematuhi semua kehendak undang-undang, akta-akta dan peraturan yang sedang berkuatkuasa semasa mengisi dan menghantar sebut harga ini yang berkaitan dengan keselamatan (SOCISO), Perintah Gaji Minimum, Akta Imigresen dan akta lain-lain yang berkaitan.
- 26.2 Sekiranya penyebut harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyembunyi atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, sebut harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya seperti mana yang dinyatakan dalam **Perkara 16 : Perlanggaran Syarat-Syarat Tender / Kontrak bawah Syarat-Syarat Am Sebut harga.**

LAMPIRAN A: SKOP KERJA DAN SPESIFIKASI TEKNIKAL

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A

SKOP KERJA & SPESIFIKASI TEKNIKAL

1.0 SKOP KERJA

Skop kerja ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan sewaan tiga (3) unit kenderaan untuk Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) seperti berikut:-

Bil	Bahagian /Unit	Kuantiti (Unit)
1.1	Keselamatan	2
1.2	Pentadbiran	1

2.0 SYARAT MENGENAI KUALITI

Kenderaan yang dibekalkan hendaklah baharu, berkualiti dan sesuai untuk tujuan penggunaannya mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Semua tawaran yang dikemukakan mestilah mempunyai model dan jenama.

3.0 SPESIFIKASI

Spesifikasi di Jadual 1 adalah spesifikasi yang perlu dipatuhi oleh penyebut harga. Spesifikasi yang ditawarkan oleh penyebut harga hendaklah sekurang-kurangnya memenuhi kriteria yang tercatat dalam **Jadual 1 di bawah**. Penyebut harga perlu melengkapkan Jadual Pematuhan seperti di **Lampiran A1**.

Jadual 1

BIL	BUTIRAN	SPESIFIKASI
3.1 Unit Keselamatan		
3.1.1	Kuantiti	2 Unit
3.1.2	Jenama	HONDA
3.1.3	Model	CR-V 1.5 TC-P 4WD
3.1.4	Kondisi	<i>New and unused</i>
3.1.5	Kapasiti Enjin	1.5 CC
3.1.6	Kuasa	193 HP
3.1.7	Transmisi	Auto
3.1.8	Jenis	SUV

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A

BIL	BUTIRAN	SPESIFIKASI
3.1.9	Warna	<i>WHITE</i>
3.1.10	Kapasiti Penumpang	<i>5 Seater</i>
3.1.11	Pelekat Kenderaan	Menyediakan 2 pelekat kenderaan sisi Pintu hadapan mengikut spesifikasi di Lampiran A2-1 .
3.2	Unit Pentadbiran	
3.2.1	Kuantiti	1 Unit
3.2.2	Jenama	TOYOTA
3.2.3	Model	Fortuner 2.4 AT 4x4
3.2.4	Kondisi	<i>New and unused</i>
3.2.5	Kapasiti Enjin	2.4 CC
3.2.6	Kuasa	148 HP
3.2.7	Transmisi	Auto
3.2.8	Jenis	SUV
3.2.9	Warna	<i>Grey Metallic</i>
3.2.10	Kapasiti Penumpang	<i>7 Seater</i>
3.2.11	Pelekat Kenderaan	Menyediakan 2 pelekat kenderaan sisi Pintu hadapan mengikut spesifikasi di Lampiran A2-2 .
3.3	Lain-lain	
3.3.1	Pamphlet atau brosur	Penyebut harga hendaklah mengemukakan pamphlet atau brosur atau gambar perkakasan yang ditawarkan bagi tujuan penilaian. Kegagalan penyebut harga untuk berbuat demikian boleh menyebabkan sebut harga ditolak.
3.3.2	Perkakasan	<i>Carpet mat, steering lock, sand blasting, door visor, tinted, interior colour-Hitam, leather seat, standard features, tinted window, spare tyre, safety & security feature.</i>
3.3.3	Skop perkhidmatan sewaan kenderaan	<p>a) Kadar sewaan adalah meliputi sewaan kenderaan dan juga penyelenggaraan kenderaan (<i>full maintenance</i>)</p> <p>b) Kerja-kerja pentadbiran kenderaan adalah diuruskan oleh pihak penyebut harga seperti pengurusan cukai jalan, insuran kenderaan, <i>breakdown</i>, kemalangan dan lain-lain.</p>

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A

BIL	BUTIRAN	SPESIFIKASI
		<p>c) <i>Door to door service</i>– bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan sebagainya wakil penyebut harga akan datang untuk mengambil dan menghantar kenderaan gantian dan lain-lain.</p> <p>d) <i>Unlimited milage & location</i> – penggunaan kenderaan tidak tertakluk kepada perbatuan dan lokasi tertentu (<i>milage & location capping</i>)</p>
3.3.4	<i>Service Level Agreement</i>	<p>3.3.4.1 PENYELENGGARAAN</p> <p>a) Penyebut harga juga hendaklah menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan berkala sepanjang tempoh kontrak dan menyediakan jadual perancangan penyelenggaraan berkala.</p> <p>b) Penyebut harga hendaklah menyediakan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Khidmat sokongan teknikal <i>24 hours x 7 days</i> • Penyelenggaraan (<i>Preventive Maintenance</i>) • Baikpulih <p>c) Perkhidmatan dan Penyelenggaraan (Mandatori)</p> <p>d) Penyebut harga adalah digalakkan untuk menyelenggara kenderaan daripada <i>Authorized Service Panel</i> sepanjang tempoh sewaan kenderaan.</p> <p>e) Sekiranya berlaku sebarang kemalangan yang menyebabkan kerugian kepada pengguna disebabkan oleh penyelenggaraan yang tidak berkualiti, SEBARANG KERUGIAN ADALAH DI BAWAH TANGGUNGAN PENYEBUT</p>

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A

BIL	BUTIRAN	SPESIFIKASI
		<p align="center">HARGA.</p> <p>f) Membekalkan alat-alat ganti yang tulen dan baharu sahaja.</p> <p>g) Penyebut harga perlu menyediakan kenderaan ganti yang setara dan tertakluk kepada budi bicara Pegawai Penguasa atau pegawai yang diberi kuasa 1 hari sebelum menghantar kenderaan yang perlu diselenggara atau dibaikpulih, kerja-kerja servis berjadual, <i>breakdown</i> dan kemalangan. Sekiranya gagal, penyebut harga akan dikenakan denda Lewat menyerahkan kenderaan gantian yang setara RM200.00/ setiap hari lewat.</p> <p>h) Adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk memaklumkan kepada LPB apabila berlaku kelewatan dalam memenuhi kehendak syarat dan terma perkhidmatan.</p> <p>i) Penyebut harga juga bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengganti segala kerosakan barang-barang dan harta Lembaga yang disebabkan kelalaian dan kecuaiannya sendiri atau pekerjanya semasa menjalankan perkhidmatan.</p> <p>j) Boleh dihubungi dan mengambil tindakan dalam tempoh 24 jam bagi sebarang aduan berkaitan kenderaan seperti kemalangan, <i>breakdown</i> dan lain-lain.</p> <p>3.3.4.2 INSURANS</p> <p>a) Semua kenderaan yang dibekalkan hendaklah dilindungi dengan insurans (<i>MOTOR INSURANCE</i>) dari institusi</p>

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A

BIL	BUTIRAN	SPESIFIKASI
		<p>insurans/takaful berlesen dan kos ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga. LPB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos tambahan terhadap tuntutan insurans.</p> <p>b) <i>“Motorcar Coverage”</i> insurans yang disediakan adalah <i>comprehensive insurans (Free coverage for all authorized drivers)</i></p>

LAMPIRAN A1: JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN KENDERAAN UNTUK
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**

LAMPIRAN A1

JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI

Sila tandakan bagi pada ruangan Kepatuhan.

Bil	Butiran	Spesifikasi	Kepatuhan (Untuk Di Tanda Oleh Penyebut harga)		Catatan Penyebut harga
			Ya	Tidak	
1.0	Unit Keselamatan				
1.1	Kuantiti	2 Unit			
1.2	Jenama	HONDA			
1.3	Model	CR-V 1.5 TC-P 4WD			
1.4	Kondisi	<i>New and unused</i>			
